

27 DEC 2002

Mahathir-Kakitangan

DR MAHATHIR HARGAI SUMBANGAN KAKITANGAN PEJABAT PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 27 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan penghargaan kepada kakitangan Pejabat Perdana Menteri yang menurutnya telah menjalankan kerja dengan baik sehingga dapat meringankan beban tugas beliau sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir mengakui bahawa cara kerjanya -- termasuk bekerja sehingga lewat petang atau malam -- mungkin menjadi beban kepada banyak kakitangan pejabat tersebut tetapi tiada siapa yang pernah menunjukkan perasaan marah.

Menceritakan tentang apa yang dilalui kakitangannya, ketika berucap pada jamuan hari raya anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri di sini, beliau berkata: "Pada hari cuti saya minta supaya taip ucapan saya dan lepas taip ucapan, saya kansel semua dan buat lagi sekali. Kadang-kadang sampai lima, enam kali.

"...Tapi tak ada siapa yang marah atau menunjukkan muka masam kerana saya membebaskan mereka dengan bekerja di luar masa kerja."

Dr Mahathir berkata inilah yang menyebabkan beliau berasa lega dan senang hati dalam menjalankan tugasnya.

Beliau berkata sememangnya ini merupakan kali terakhir beliau menghadiri jamuan hari raya anjuran kakitangan pejabatnya sebagai perdana menteri berikutan keputusan beliau untuk meletakkan jawatan Oktober tahun depan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau sedia menunaikan jemputan untuk menghadiri majlis-majlis perayaan tertentu setelah tidak lagi menjadi perdana menteri.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

-- BERNAMA

MAM MAM HM